



Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 JLD. 4 (25)

Tarikh : 28 Oktober 2015

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH  
BIL. 4/2015**

**PERMOHONAN KELULUSAN KHAS PEMBAYARAN SEWA RUANG PEJABAT  
TANPA SURAT PERJANJIAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, jabatan yang ingin menyewa ruang pejabat ataupun melanjutkan penyewaan ruang pejabat sedia ada di premis bukan milik Kerajaan Persekutuan hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Ruang Pejabat (JRP) yang diurus setiakan oleh Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah.

3. Sehubungan itu, jabatan yang telah mendapat kelulusan daripada JRP hendaklah mengemukakan permohonan kepada pejabat ini untuk membuat pembayaran sewa tanpa surat perjanjian sementara menunggu proses penyediaan surat perjanjian penyewaan selesai. Turut dimaklumkan bahawa permohonan kelulusan tersebut perlulah dilampirkan bersama surat kelulusan penyewaan ruang pejabat yang diperolehi daripada Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah dan dikemukakan ke pejabat ini untuk tindakan selanjutnya.

4. Jabatan juga diingatkan tempoh maksimum pemberian kelulusan khas pembayaran sewa ruang pejabat tanpa surat perjanjian adalah sebanyak **sembilan (9) bulan sahaja**. Justeru itu, dalam tempoh tersebut jabatan hendaklah mengambil tindakan untuk menyegerakan proses penyediaan surat perjanjian berkenaan bagi mengelakkan sebarang masalah pembayaran sewa ruang pejabat di masa akan datang.

"MENJANA KEMAKMURAN NEGARA"  
CEPAT, TEPAT, MESRA, AMANAH



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT NO: AR 3495

5. Dengan berkuatkuasanya surat edaran ini, Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sabah Bilangan 18 Tahun 2000 adalah dibatalkan.

6. Kerjasama dan perhatian daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATUK YUSOF BIN HAJI SARANGIT)**  
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah

s.k. Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 7, Blok A  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah  
Jalan UMS  
88400 Kota Kinabalu, Sabah